



Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030 tidak tepikan mana-mana rakyat

IPOH, 18 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri akan memastikan pembangunan yang dirancang menerusi Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030 tidak akan meminggirkan atau mengetepikan mana-mana kumpulan rakyat dalam usaha memacu pembangunan sosioekonomi yang mampan, inklusif dan dinamik.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad berkata pihaknya sentiasa cakna dengan perubahan dan ketidaktentuan sama ada di peringkat domestik mahupun global yang berlaku dari semasa ke semasa.

"Penyesuaian dan penambahbaikan boleh dilakukan bagi memenuhi keperluan perancangan atau tuntutan semasa yang di luar jangka," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di Dewan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan daripada Datuk Samsudin Abu Hassan (BN-Ayer Kuning) yang ingin tahu penjelasan prinsip memacu pembangunan sosioekonomi mampan, inklusif dan dinamik yang merupakan teras Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030.

Saarani berkata pelbagai agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.), Yayasan Perak dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak terlibat secara langsung dalam merealisasikan agenda pelan ini mengikut teras organisasi dan bidang kuasa masing-masing.

Beliau turut mengulas isu sama yang diajukan oleh Yahaya Mat Nor (Amanah-Pasir Panjang) mengenai langkah proaktif kerajaan dalam menyelesaikan cabaran perdana yang digariskan dalam pelan itu termasuk masalah aliran negatif migrasi bersih negeri Perak.

Menurut Saarani, **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** melaporkan bahawa migrasi bersih Perak pada 2020 adalah pada kadar -1.2, dengan jumlah migrasi ke luar Perak seramai 12,800 orang, melebihi jumlah migrasi masuk ke dalam Perak seramai 11,600 orang.

"Angka ini menunjukkan situasi migrasi negeri Perak masih dalam keadaan terkawal, namun ia perlu diberi perhatian serius bagi menjamin sumber manusia negeri dapat dikekalkan untuk menyokong dan menggerakkan agenda pembangunan negeri.

"Kerajaan negeri akan terus berusaha memperkukuhkan ekosistem berkaitan keperluan kemahiran dan tenaga kerja bagi memastikan rakyat Perak mendapat pekerjaan dan meningkatkan taraf sosioekonomi tanpa perlu berhijrah ke luar," katanya.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2101178>